

DOCX.MY

BERITA ONLINE ANDA!

Info semasa, Terkini, Viral, Agama, Pendidikan,
Makluman, Resepi , Informasi Kerajaan Dan Lain-Lain

INFO LANJUT

 www.docx.my



DOCX.MY
SENANG DOWNLOAD

Cuti Tambahan Buat Selangor Sempena Aidiladha



KENYATAAN MEDIA PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

PENGUMUMAN CUTI TAMBAHAN SEMPENA HARI RAYA AIDILADHA 1444H

Berikutan pengisytiharan tarikh Hari Raya Aidiladha yang jatuh pada hari Khamis 29 Jun 2023 bersamaan 10 Zulhijjah 1444H. Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju untuk memberikan kemudahan cuti tambahan pada hari **Jumaat, 30 Jun 2023** kepada penjawat awam di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor selaras dengan Akta Hari Kelepasan 1951 (Akta 369).

Kemudahan cuti tambahan ini adalah khusus kepada semua penjawat awam di Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri sahaja. Walau bagaimanapun, Badan Berkanun, Anak Syarikat Kerajaan Negeri dan pihak Swasta adalah tidak tertakluk kepada arahan ini dan terpulang kepada majikan masing-masing selaras dengan Akta Kerja 1955 (Akta 265).

Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor juga ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidiladha kepada semua penjawat awam dan rakyat Negeri Selangor.

Sekian, terima kasih.

DATO' HAJI HARIS BIN KASIM
YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
27 Jun 2023